

CONTOH KARANGAN

Karangan Jenis Bergambar

Karangan Bergambar Tunggal

- Karangan yang hendak ditulis itu hendaklah berpandukan gambar yang telah disediakan.
- Setiap gambar perlu dipastikan bila, di mana dan waktu supaya penulisan lebih jelas
- Perlu meneliti seluruh gambar dengan mendalam. Pastikan apa yang berlaku, apa yang dikerjakan, dan suasana.
- Sewaktu menulis, pastikan diri terlibat di dalam gambar, bukan sebagai pencerita dari luar atau dijadikan karangan penerangan.
- Ceritakan peristiwa yang ada di dalam gambar tersebut dalam bentuk karangan.

Karangan Bergambar Bersiri

- Karangan hendak berpandukan gambar-gambar yang telah disediakan.
- Sebaik-baiknya jadikan diri kamu terlibat sama dengan cerita yang hendak ditulis.
- Setiap perenggan berdasarkan sekeping gambar.
- Karangan yang hendak ditulis itu hendaklah berpandukan peristiwa-peristiwa yang terdapat di dalam gambar-gambar tersebut mengikut urutan atau susunan.
- Boleh menyertakan tajuk, tetapi tidak menjadi kemestian.

Karangan Jenis Autobiografi

1. Karangan jenis ini biasanya memerlukan kamu membayangkan diri anda sebagai sesuatu benda secara terperinci.
2. Ada yang mengisahkan riwayat hidup penulis sendiri dari awal hingga akhir.
3. boleh ditulis dalam bentuk cerita atau penerangan / rencana
4. Aturan membina karangan
 - tempat asal - nama - dilahirkan dimana - proses pembuatan - dibungkus
 - perjalanan dari kilang hingga ke tempat pameran - di mana dipamerkan - bertukar milik
 - proses penggunaan dengan tuan baru - akhir hayat
 - perasaan - sedih atau gembira
5. boleh gunakan dialog untuk bercakap sesama rakan, bukan dengan manusia.
6. paparkan nilai-nilai murni

Tuliskan sebuah karangan yang bertajuk 'Aku Sebuah Basikal'.

Pengenalan	berasal dari Jepun dibuat di sebuah kilang besi waja terdiri daripada besi waja, getah dan plastik
Perenggan ke-2	disebut basikal dipamerkan berasa sungguh gembira
Perenggan ke-3	menaiki sebuah kapal dagang berasa sungguh bangga
Perenggan ke-4	nasib malang kapal karam dijumpai oleh penyelam dijual sebagai besi buruk
Penutup	menjadi bahan terbuang kesal kerana tidak dapat berbakti

Aku berasal dari 'Negara Matahari Terbit'. Aku dibuat di sebuah kilang besi waja yang tidak besar. Badanku terdiri daripada besi waja, getah asli, kaca dan pleastik.

Apabila badanku telah siap dibuat, aku disebut basikal. Aku dan kawan-kawanku yang lain dipamerkan di sebuah bilik pameran. Aku berasa sungguh gembira kerana ramai orang memuji kecantikanku.

Tidak lama kemudian aku dan kawan-kawanku menaiki sebuah kapal dagang. Aku berasa sungguh seronok apabila mendapati kami akan dihantar ke Malaysia. Melalui perbualan dua orang kelasi kapal itu, aku mendapati ramai kanak-kanak di Malaysia ingin memilikiku. Aku semakin bangga.

Nasib kami sungguh malang. Kapal kami karam. Aku dan kawan-kawanku lemas. Setahun kemudian, aku dijumpai oleh seorang penyelam. Waktu itu badanku sudah berkarat. Penyelam itu membawa aku dan kawan-kawanku ke kedai yang membeli besi buruk. Aku dijual di situ.

Aku berasa sungguh kesal kerana aku telah menjadi bahan terbuang sebelum sempat mencurahkan baktiku kepada orang Malaysia.

Tajuk : Aku sehelai baju

Aku dilahirkan di sebuah butik terkenal di ibu kota. Selepas dilahirkan, aku dipakaikan pada sebuah patung dan diletakkan di dalam cermin. Tanda harga yang terlekat di badanku menunjukkan RM 350.

Setelah lima hari berada di situ, aku telah dibeli oleh seorang gadia bernama Linda. Linda memakaiku pada majlis hari jadinya. Sebaik sahaja kawan-kawan Linda melihat diriku mereka semua memuji kecantikan yang aku miliki.

Selang beberapa bula, Linda ingin memakaiku sekali lagi. Apabila melihat badanku berkedut, dia mengambil seterika lalu menggosokku.

Ketika badanku diseterika, telefon berdering. Linda berlari meninggalkan aku sehingga terlupa untuk menutup suis seterika. Badanku mula terasa panas. Aku cuba menahan keperitan, tetapi akhirnya aku hanya mampu menangis kerana terlampau sakit. Lama-kelamaan sebahagian badanku terbakar.

Apabila terhidu bau benda terbakar, Linda tergesa-gesa mendapatkanku. Tetapi sudah terlambat kerana aku tidak boleh diselamatkan lagi. Kini aku hanya menjadi penghuni setia almari usang.

Saya Seorang Pendidik

Karangan Jenis Biografi

Karangan jenis ini mengisahkan perihal riwayat hidup orang lain dari mula hingga ke akhir antaranya :

- tokoh-tokoh sejarah
- pemimpin tanahair
- tokoh sukan
- dan lain-lain

Dalam menulis karangan jenis ini, aspek latar belakang, riwayat hidup, pendidikan, sumbangan, kejayaan dan jasa-jasa seseorang itu diambilkira sebagai isi karangan.

Anda harus tahu benar tentang watak yang hendak ditulis itu dari awal hingga ke akhir.

Kamu tidak digalakkan menulis perkara-perkara yang sensitif sehingga boleh menimbulkan keaiban atau menjatuhkan maruah orang yang ditulis.

Soalan

Pada cuti semester yang lalu anda telah tinggal bersama-sama pakcik anda. Pakcik anda itu penoreh getah. Ceritakan kehidupan seharian pekacik anda itu dalam bentuk karangan.

Pengenalan rumah pakcik tidak jauh dari kebun getah
kepunyaan sendiri

Perenggan ke-2keluar dari rumah awal pagi
menunggu basikal

Perenggan ke-3memakai topi berlampu suluh
kerana masih gelap
menoreh dari sebatang pokok ke sebatang pokok

Perenggan ke-4susu getah dikumpul
dimasukkan ke dalam baldi kecil
dipindahkan ke sebuah tangki besar

Penutup kerja siap pada pukul 12.00
 hantar susu getah ke pusat penjualan

Pakcik saya penoreh getah. Rumahnya tidak jauh dari sebuah kebun getah. Kebun getah itu kepunyaan dirinya sendiri.

Setiap hari, pagi-pagi lagi dia sudah keluar dari rumahnya untuk pergi menoreh. Dia menunggang sebuah basikal.

Pakcik saya memakai topi yang berlampu suluh di kepalanya. Tujuannya supaya kerja-kerja menoreh getah dapat dilakukan walaupun keadaan masih gelap. Dia menoreh getah dari sebatang pokok ke sebatang pokok getah yang lain sehinggalah kerja-kerja menoreh itu selesai dijalankan.

Sejam kemudian, pakcik saya akan mengumpul susu getah yang telah bertakung di dalam sebuah mangkuk setiap pokok getah yang ditorehnya tadi. Susu getah dikumpul ke dalam sebuah baldi kecil. Apabila baldi kecil itu penuh, dia akan memindahkan susu getah itu ke dalam sebuah takungan besar.

Lebih kurang pukul 12.00 tengah hari, pekerjaan itu pun selesai. Pakcik saya akan menghantar susu getah yang telah terkumpul itu ke pusat penjualan.

Sahabat Baik Saya

Karangan Jenis Dialog / Temu Ramah / Perbualan / Wawancara

- terbahagi kepada dua jenis
 - i. dialog dan perbualan (*lebih berkisar kepada persoalan biasa seperti bertanya khabar dan perbualan menerusi telefon.*)
 - ii. wawancara dan temu ramah (*lebih kepada perbualan rasmi, pertanyaan kepada orang yang lebih dihormati, atau ingin tahu sesuatu perkara*)
- seperti jenis karangan lain, karangan jenis ini juga mempunyai tajuk / topik yang utama
- setiap karangan ini mempunyai sekurang-kurangnya dua watak atau lebih
- sebelum memulakan karangan boleh disertakan keterangan tetapi janganlah terlalu panjang.
Lihat contoh :

Abu diminta oleh guru kelas menemu ramah Guru Besar sebelum beliau bersara. Hasil temu ramah itu akan dimuatkan di dalam majalah sekolah. Berikut merupakan hasil temu ramah tersebut.
- Format karangan ini
nama watak ditulis selari di sebelah kiri
selepas nama watak dibubuh tanda titik bertindih (:) juga dalam keadaan selari
contoh :

Nama A : Assalamualaikum, Makcik.
Nama B : Waalaikummussalam
Nama A : Apa khabar Makcik ?
Nama B :
- Mulakan perbualan dengan salam sejahtera
- anda perlu menggunakan kata ganti nama diri yang sesuai. Jika orang yang dibawa berbual itu berumur gunakan panggilan "Encik", "Tuan", ataupun "Makcik"
- pastikan anda tahu tentang hal atau perkara yang akan kita tulis untuk bahan temuramah / dialog.
- boleh gunakan bahasa kiasan atau peribahasa dan kata singkatan seperti 'tak', 'dah'
- soalan yang dikemukakan adalah ringkas, tidak rumit dan berbelit-belit. Dalam dialog itu, kedua-dua pihak harus bertanya, memberi pendapat atau pandangan.
- Jawapan yang diberi kepada soalan adalah panjang lebar
- elakkan penggunaan soalan yang cuma memerlukan jawapan "ya" atau "tidak".
- soalan-soalan disusun dengan baik supaya terus berkesinambungan.
- kawal jumlah perkataan yang digunakan (lebih kurang 80 patah perkataan)
- tanda baca yang digunakan harus sesuai dengan nada percakapan. Hati-hati dengan ayat tanya kerana ia berakhir dengan tanda tanya. (?)
- mesti di tulis mengikut format (terpesong format, tolak 3 markah)
- soalan yang diikuti dengan jawapan lengkap di beri markah penuh
- Akhiri perbualan dengan mengucapkan terima kasih kepada yang ditemuramah.

CONTOH KARANGAN

TAJUK

Andaikan bahawa anda menyertai pertandingan syarahan. Dalam pertandingan itu anda telah mendapat tempat kedua. Anda telah dikalahkan oleh peserta bukan melayu. Anda ingin mengucapkan tahniah dan menyatakan perasaan kagum anda akan kebolehnya. Tulislah dialog anda selengkapnya.

RANGKA.

PENDAHULUAN - mengucapkan tahniah

ISI

- a) Siva berharap agar kejayaannya memberi semangat kepada pelajar bukan melayu yang lain untuk mempelajari bahasa melayu.
- b) menyatakan perasaan kagum -bertanya tentang cara dia mempelajari bahasa melayu
- c) Siva menyatakan cara dia mempelajari bahasa melayu.

PENUTUP

Siva memberikan dorongan agar sama-sama menguasai bahasa kebangsaan

KARANGAN

(Siva sedang asyik membaca sebuah buku cerita di perpustakaan sekolah)

Azman : Tahniah, Siva, kerana kamu berjaya dalam pertandingan syarahan itu.

Siva : Terima kasih. Saya berharap supaya kejayaan ini akan menaikkan semangat pelajar-pelajar bukan Melayu yang lain untuk mempelajari Bahasa Melayu.

Azman : Saya kagum melihat kamu bersyarah pada hari ini. Setiap perkataan yang awak ucapkan jelas dan lancar. Bagaimanakah cara kamu mempelajari bahasa melayu ?

Siva : Keluarga saya menggalakkan saya membaca buku-buku bahasa melayu yang bermutu. Di samping itu, saya mempelajari tatabahasa dengan baik. Saya selalu membuka kamus untuk mempelajari ejaan dan makna kata-kata yang saya baca. Saya melatih diri saya menggunakan bahasa baku apabila membaca atau bercakap

Azman : Kalau begitu, tidak hairanlah saya apabila kamu berjaya mengalahkan saya dan beberapa pelajar Melayu yang lain dalam pertandingan itu. Saya malu, Siva.

Siva : Mengapa ?

Azman : Selama ini saya menganggap Bahasa Melayu sebagai bahasa yang mudah kerana itu adalah bahasa ibunda saya. Rupa-rupanya saya silap.

Siva : Baguslah, Azman, kalau kamu sudah sedar. Sama-samalah kita belajar menguasai bahasa kebangsaan negara kita

Azman : Ya, baiklah, Siva...

Tajuk : Kawan kamu telah kehilangan duit. Dia suka menuduh orang lain tanpa usul periksa. Bagaimanakah cara kamu menasihatinya ? Tuliskan perbualan di antara kamu berdua.

(Kamu dan Azma berada di sudut kantin sekolah)

Malim : Mengapa kamu bermuram saja, Azma ? Apakah kamu ada masalah ?

Azma : Duit saya sebanyak sepuluh ringgit telah hilang Malim.

Malim : Macam mana boleh hilang ?

Azma : Saya letakkan dalam beg. Balik dari rehat sahaja duit dah tak ada. Saya syak Tahir yang curi, sebab waktu rehat dia tak keluar.

Malim : Bukankah cikgu selalu menasihati agar duit jangan ditinggalkan dalam beg. Sekarang sudah hilang, mengapa pula menuduh tanpa usul periksa ?

Azma : Jika bukan Tahir, siapa lagi ? Saya pasti memang Tahir ! Dia dengki saya !

Malim : Jangan sesekali serkap jarang. Jika bukan dia, bagaimana kita mahu tutup muka kita ? Baik kita jumpa Cikgu Zaidi. Guru disiplin itu boleh membantu kita.

Azma : Betul juga kata kamu, Malim. Saya berasa bangga mendapat kawan macam kamu.

Soalan : Kamu berpeluang menemuramah seorang bapa kepada sepasang anak kembar yang telah berjaya menjadi doktor perubatan, semasa majlis penyampaian ijazah di Universiti Malaya. Cuba buat satu temuramah itu dengan bertanyakan hal-hal yang berkaitan.

(Setelah memperkenalkan diri kamu , maka kamu mengemukakan soalan -soalan kepada Encik Karim)

Murid : Encik, sebenarnya bagaimana encik mengasuh kedua-dua anak kembar encik Faizul dan Faizal hingga berjaya menjadi doktor ?

En. Karim : Oh ! Saya pun tidak tahu bagaiman hendak menceritakannya. Hanya saya kira Tuhan merestui kami sekeluarga.

Murid : Boleh saya tahu bagaimana anak-anak encik ini belajar ?

En. Karim : Mmmmmmm, kalau fasal belajar , mereka memang sungguh berusaha. Hampir sepanjang waktu mereka asyik dengan buku sahaja. Kalau menonton televisyen itu jarang sekali. Kerap kali kalau menonton pun mereka menonton siaran berita sahaja.

Murid : Di mana mereka bersekolah ?

En. Karim : Kesemuanya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Darau. Kemudian bersekolah menengah di Sek. Men. Seri Nering, Jerteh. Semuanya mendapat pangkat satu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Semasa itulah mereka mendapat tawaran dan meneruskan pelajaran di Tingkatan Enam iaitu di Sekolah Tinggi, Jerteh. Apabila mereka lulus mereka belajar di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Nah ! Sekarang mereka sudah lulus dan menjadi doktor.

Murid : Apakah perasaan encik sekarang ?

En. Karim : Sudah tentu gembira sekali. Kami sekeluarga bersyukur di atas kejayaan gemilang itu .

Murid : Baiklah encik , saya berterima kasih kerana sudi melapangkan masa untuk ditemubual.

En. Karim : Terima kasih kembali.
(Berjabat tangan dengan murid)

Tip :

Sediakan LIMA SOALAN terbaik. Setiap soalan diikuti oleh jawapan dan huraian sebanyak 20 patah perkataan KECUALI pendahuluan.

Karangan jenis Catatan Diari

Ia merupakan karangan yang mencatatkan kegiatan harian atau peristiwa penting yang berlaku kepada seseorang.

Tarikh, hari atau masa peristiwa berlaku hendaklah dinyatakan. Ini berpandukan kepada soalan. Lihat contoh soalan dibawah :

Persatuan anda telah membuat lawatan ke Kuala Lumpur. Anda diminta menyediakan catatan mengenai lawatan itu.

Berdasarkan soalan , lawatan ke Kuala Lumpur biasanya mengambil masa beberapa hari . Oleh itu format catatan mesti ditulis dalam hari.

Kamu menyambut ketibaan Hari Raya Puasa dengan suasana meriah. Tuliskan cacatan diari kamu bagaimana anda menyambut dan merayakan hari tersebut.

Berdasarkan soalan ini format catatan ialah masa atau jam.

Catatan hendaklah ringkas, tepat dan padat

Tulis catatan mengikut urutan peristiwa

Ayat-ayat seharusnya pendek dan mudah difahami

Andaikan bahawa ibu anda sakit kuat . Ibu anda dimasukkan ke hospital . Tuliskan suatu catatan selama ibu anda berada di hospital.

2 Januari

Ibu sakit kuat. Bapa menghantar ibu ke hospital Besar Kuala Terengganu. Doktor yang merawat ibu memberitahu kami bahawa ibu menghidap penyakit barah. Ibu terpaksa dirawat di hospital. Selepas pulang dari sekolah , aku dan bapa melawat ibu. Aku berasa sedih melihat keadaan ibu.

3 Januari

Hari ini ibu akan dibedah. Menurut doktor , pembedahan hanya sebagai pembedahan biasa dan tidak perlu dirisukan. Di sekolah , aku tidak dapat menumpukan perhatianku terhadap pelajaran. Cikgu Halim memujuk aku supaya bersabar. Aku sentiasa berdoa agar ibu selamat.

4 Januari

Ibu selamat dibedah. Menurut doktor ibu akan dibenarkan pulang tidak lama lagi. Datuk dan nenek dari kampung datang ke hospital untuk melawat ibu.

5 Januari

Selepas waktu sekolah , aku , Cikgu Halim dan tiga orang kawanku menziarahi ibu. Aku mendapati ibu semakin pulih. Dari jauh ibu tersenyum menyambut kedatangan kami. Aku bersyukur kepada Tuhan kerana telah memakbulkan doaku.

6 Januari

Aku membantu nenek mengemas rumah. Sebentar lagi ibu akan pula ng bersama dengan ayah dan datuk. Aku berasa tidak sabar untuk menyambut kepulangannya. Hadiah istimewa telah disediakan untuk ibu.

Karangan Jenis Cereka / Pengalaman / Keperihaln / Gambaran / Situasi

memerlukan kekuatan imaginasi dan daya kreatif yang tinggi.

Sesuatu yang ditulis itu mungkin berdasarkan pengalaman , pembacaan , atau perbualan.

cereka

Suatu hari ketika kamu tinggal sendirian di rumah, kamu telah dikejutkan oleh suara riuh -rendah. Apabila kamu menjenguk ke luar, kamu dapati asap berkepul-kepul naik ke angkasa dari rumah jiran kamu. Ceritakan peristiwa yang kamu saksikan itu.

1. cerita yang hendak ditulis hendaklah berdasarkan tajuknya.
2. cuba menulis cerita yang dapat menarik minat pembaca.
3. jangan terlalu ghairah mereka-reka cerita yang terlalu banyak khayalan kerana ini akan menyebabkan kamu tidak dapat menyampaikan maksud dengan jelas.
4. jangan menulis sampai meleret-leret, berhati-hatilah dengan peruntukkan masa yang diberikan

Pengenalan tinggal sendirian
 baca buku cerita

Perenggan ke-2mendengar suara riuh-rendah
 menjenguk ke luar
 suatu kebakaran berlaku

Perenggan ke-3ramai orang mula berkumpul
 cuba membantu memadamkan kebakaran
 membantu memungahkan barang

Perenggan ke-4aku terus menelefon pihak bomba
 ahli-ahli bomba tiba

Penutup kebakaran dapat dikawal
 berasa sungguh gembira

Pada hujung minggu yang lepas, saya terpaksa tinggal sendirian di rumah kerana ibu bapa saya pergi ke tempat kenduri kahwin. Untuk menghilangkan rasa jemu, saya membaca sebuah buku cerita.

Ketika saya leka membaca , tiba-tiba saya terdengar suara riuh-rendah meminta tolong. Saya segera menjenguk ke luar. Alangkah terkejutnya saya apabila saya dapati asap berkepul-kepul keluar dari rumah jiran saya. Suatu kebakaran telah berlaku.

Orang ramai mula berkumpul di situ. Ada yang cuba memadamkan kebakaran dan ada yang menolong memungahkan barang-barang. Saya mulai berasa bimbang kalau-kalau api itu merebak ke rumah saya.

Tanpa berlengah-lengah lagi , saya terus menelefon pihakbomba. Sepuluh minit kemudian, anggota bomba pun tiba di situ.

Ahli-ahli bomba telah bertungkus-lumus memadamkan api tersebut. Akhirnya kebakaran itu dapat dikawal daripada merebak. Saya berasa gembira kerana rumah saya terselamat daripada kebakaran tersebut.

pengalaman

Tajuk : Tulis satu karangan yang bertajuk ' Pengalaman yang Tidak Dapat Dilupakan '

Pada tahun lalu, aku menghabiskan cuti persekolahan di kampung bersama datuk dan nenek. Pada suatu malam, aku pergi ke rumah Ludin, teman lamaku. Oleh kerana sudah lama tidak berjumpa, kami seronok bercerita. Bila aku sedar malam sudah larut, aku bergegas pulang.

Dalam perjalanan pulang, hatiku tiba-tiba berasa cemas. Walaupun telah lama berjalan, rumah nenek masih juga tidak kelihatan. Aku memandang ke kiri dan ke kanan. Tidak ada sebuah rumah pun di situ. Bulu romaku berdiri tegak. Barulah aku sedar, rupanya aku tersesat jalan.

Tiba-tiba di satu selekoh, aku terpancang satu lembaga menuju ke arahku. Aku berasa amat takut sekali. Aku cuba membuka langkah. Tetapi belum sempat aku melangkah, kakiku terpijak benda tajam, lalu terjatuh. Kemudian, aku tidak sedarkan diri.

Bilaku membuka mata, kulihat aku sudah berada di rumah datuk. Menurut nenek, datuk menemui terbaring di tengah jalan ketika keluar mencari. Aku menceritakan kepada mereka apa yang terjadi. Datuk dan nenek tersenyum sesama sendiri. Rupa-rupanya lembaga yang aku takutkan itu adalah datukku sendiri.

situasi

Keputusan UPSR telah diumumkan. Anda mendapat keputusan yang cemerlang. Bagaimanakah perasaan anda ?

Saya bersyukur dan bertuah kerana usaha saya selama ini telah pun berhasil. Saya membuat persiapan rapi untuk peperiksaan ini semenjak awal tahun lagi.

Kejayaan ini juga merupakan kejayaan ibu bapa, guru-guru dan rakan-rakan saya. Ini kerana dorongan dan bimbingan daripada mereka menjadi kunci kejayaan saya.

Saya juga berasa bangga kerana mampu membuktikan kepada orang ramai bahawa seorang anak kampung daripada keluarga miskin dapat juga berjaya. Saya sedar kemiskinan bukanlah penghalang untuk seseorang itu mencapai kejayaan.

Saya berharap kejayaan ini akan menjadi pendorong kepada adik-adik saya. Saya berjanji akan belajar bersungguh-sungguh untuk peperiksaan yang lain.

Karangan Jenis Melengkapkan Cerita

1. karangan tidak berformat
2. berkebolehan membuat ramalan berdasarkan permulaan atau akhir cerita yang diberi
3. berbentuk cerita, khayalan, pengalaman, ataupun kehidupan binatang.
4. elakan terpesong tema cerita lain daripada tema yang diberi
5. memahami maksud cerita yang diberi dan mempunyai gambaran yang jelas tentang sesuatu cerita itu.
6. setiap cerita mempunyai nilai-nilai murni seperti bertanggungjawab, tolong-menolong, kasih sayang atau apa saja yang boleh membawa pengajaran.
7. walaupun cerita hanya rekaan, tetapi cerita itu mesti boleh diterima akal.

A. Sudahkan cerita di bawah ini.

Saya mengayuh basikal agak perlahan. Walaupun lampu elektrik menerangi jalan, tetapi saya perlu berhati-hati. Saya bimbang termasuk lubang atau terbabas ke dalam parit. Sambil mengayuh, saya sempat berbual dengan Ahmad yang duduk di belakang. Tiba-tiba saya ternampak susuk tubuh manusia menuju belakang balai raya. Tanpa membuang masa

Tanpa membuang masa, saya memberhentikan basikal. Ahmad kehairanan, tetapi saya segera memberitahunya. Ahmad faham. Basikal saya baringkan di tepi jalan raya.

Tiba-tiba saya terdengar cermin pecah. Saya yakin sudah tentu lelaki itu seorang pencuri. Dua bulan lalu kaset dan pinggan mangkuk dicuri orang. Mungkinkah kejadian yang sama akan berulang ?

Pencuri itu mesti ditangkap, kata hati saya. Saya meminta Ahmad mengawasi pencuri itu kerana saya hendak ke rumah Tuk Ketua. Tetapi sebelum sampai di rumah Tuk Ketua, saya nampak ramai orang baru keluar dari masjid. Salah seorang daripadanya ialah Tuk Ketua. Saya masuk ke perkarangan masjid. Di situ saya segera ceritakan apa yang saya lihat. Tuk Ketua segera memberi taklimat. Kemudian mereka segera bergerak menuju ke balai raya.

Sampai di balai raya, seramai lima orang menuju ke bahagian belakang dan sebahagian lagi menjaga bahagian kiri, kanan dan depan. Mereka melangkah sere nтак merapati balai raya. Lelaki di dalam balai raya itu perasan, tetapi tidak sempat melarikan diri. Lelaki itu akhirnya dapat ditangkap. Kemudian Tuk Ketua mengucapkan terima kasih kepada saya dan Ahmad.

B. Lengkapkan cerita di bawah yang berakhir dengan ayat berikut :

..... *Bila kubuka mata, aku melihat ayah dan ibu berada di sampingku. Perempuan yang berwajah ngeri itu telah pergi.*

Pada malam itu, aku berseorangan di rumah. Ayah dan ibu masih belum pulang. Di luar, hujan turun dengan lebat, kilat sabung-menyabung.

Aku toleh ke arah jam usang di dinding. Rupa-rupanya sudah hampir pukul satu pagi. Aku semakin risau kerana bayang ayah dan ibuku masih belum kelihatan.

Tiba-tiba kedengaran ketukan bertalu-talu di pintu hadapan. Aku bergegas membuka pintu. Sebaik sahaja pintu terkuak, alangkah terkejutnya aku kerana seorang perempuan bertudung hitam berada di situ. Wajahnya amat mengerikan.

Dia memandang tajam ke arahku. Peluh dingin mula keluar dari badanku. Dia cuba menerkamku. Belum sempat dia menyambar tubuhku, aku menendang badannya lalu tersungkur ke tanah. Aku menutup pintu. Tiba-tiba matu kabur. Aku terus terjatuh. *Bila kubuka mata, aku melihat ayah dan ibu berada di sampingku. Perempuan yang berwajah ngeri itu telah pergi.*

Karangan Jenis Fakta / Rencana

- ditulis dalam bentuk format biasa
- karangan ini memerlukan kita mempunyai pengetahuan yang luas.
- jadi perlu banyak membaca buku, majalah, surat khabar dan sebagainya
- fahamkan kehendak soalan . Contohnya karangan yang bertajuk "Tuliskan apa yang kamu tahu tentang burung". Karangan ini mungkin disalah tasirkan sebagai burung yang murid sukai atau burng peliharaan murid.
- pastikan anda benar-benar tahu dan mempunyai fakta yang betul tentang tajuk.
- senaraikan fakta-fakta / isi yang diketahui dan susun mengikut kepentingannya.
- setelah mengemukakan pengenalan , tulis bahagian isi
- pastikan anda dapat menyediakan 4 isi
- kamu harus mampu mengembangkan sesuatu isi
- setiap isi haruslah dihuraikan berserta contoh yang sesuai dengan menggunakan ayat dan kata yang mudah difahami. Jika boleh sertakan kesannya.
- masukkan perangkaan atau peristiwa untuk menguatkan kenyataan.
- setelah siap mengembangkan isi kemukakan bahagian penutup.
- gunakan bahasa yang tepat, usah leret-leret.

Soalan

Tuliskan sebuah karangan tentang 'Penggunaan Komputer'.

Rangka Karangan :

Pendahuluan - alat komunikasi rekaan sains
- penggunaannya meluas

Perenggan ke-2 - digunakan di pejabat-pejabat
- menyimpan data-data
- menjalankan tugas dengan cepat

Perenggan ke-3 - penggunaan komputer di pusat-pusat perubatan
- mengesan penyakit
- membantu mengesan penyakit

Perenggan ke-4- penggunaan komputer dalam pelajaran
- mengajar Matematik, Sains dan Bahasa

Penutup - keuntungan menggunakan komputer
- jimat masa dan wang

- bantu manusia menyelesaikan masalah yang sukar

Komputer merupakan salah satu alat komunikasi rekaan sinas. Penggunaannya begitu meluas dewasa ini. Komputer digunakan dalam pelbagai bidang.

Komputer sering digunakan di pejabat-pejabat kerajaan atau swasta. Ia berfungsi sebagai alat untuk menyimpan data-data. Dengan penggunaan komputer, kakitangan pejabat dapat menjalankan tugas dengan cepat dan tepat.

Pusat-pusat perubatan juga menggunakan komputer bagi mengesan sesuatu penyakit. Dengan penggunaan komputer juga, ia dapat mengatasi kekurangan tenaga pekarja. Komputer dapat membantu menyelesaikan kes-kes atau pembedahan yang rumit.

Komputer turut digunakan dalam bidang pelajaran. Kebanyakan sekolah menggunakan komputer untuk mengajar mata pelajaran Matematik, Sains, Fizik dan sebagainya.

Pendek kata penggunaan komputer banyak mendatangkan keuntungan. Ia dapat menjimatkan masa dan wang serta membantu menyelesaikan masalah yang sukar di selesaikan oleh akal manusia.

Tajuk : Banjir

Banjir adalah bencana alam yang sering melanda negara kita terutamanya negeri-negeri Pantai Timur. Banjir berlaku setelah hujan lebat tidak berhenti-henti selama beberapa hari.

Biasanya banjir melanda kawasan-kawasan yang rendah dan berhampiran sungai. Apabila banjir melanda, banyak harta benda akan musnah. Binatang ternakan dan tanaman akan mati. Para petani akan mengalami kerugian besar.

Banjir juga mengancam manusia. Kita tidak boleh bermain dengan air banjir kerana alirannya yang deras dan dalam akan menghanyutkan kita. Jika tidak tahu berenang, kita akan mati lemas.

Oleh itu, apabila tiba musim hujan kita mestilah berhati-hati. Adalah lebih baik jika kita berpindah ke tempat yang lebih selamat sebelum air naik.

Tajuk : "Kepentingan Kenderaan"

Setiap hari kita dapat melihat pelbagai jenis kenderaan. Ada kenderaan yang bergerak di air. Ada pula yang dapat bergerak di udara dan ada yang bergerak di darat. Kenderaan ini digerakkan oleh enjin yang direka khas. Kenderaan amat penting dalam kehidupan manusia.

Sejak zaman dulu lagi manusia menggunakan kenderaan untuk tujuan pengangkutan. Ini termasuklah mengangkut barang-barang dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Kenderaan yang digunakan bagi tujuan pengangkutan ini termasuklah kenderaan darat seperti lori, van, keretapi, motorsikal dan kereta. Kapal laut, feri perahu dan sebagainya adalah contoh pengangkutan air. Kapal terbang dan helikopter pula adalah pengangkutan jenis udara.

Kenderaan membolehkan kita pergi ke mana-mana destinasi yang kita sukai. Kita tidak perlu memikirkan cara mana untuk sampai ke satu-satu tempat. Kenderaan yang ada membolehkan ianya membawa penumpang. Contohnya, dengan hanya membayar sejumlah wang yang tertentu, kita boleh pergi ke mana-mana destinasi yang ingin ditujui.

Perniagaan pada hari ini amat memerlukan kenderaan. Syarikat-syarikat perniagaan amat bergantung sepenuhnya kepada kenderaan untuk memasarkan barangan keluaran mereka. Dengan adanya kenderaan ini hasil-hasil pertanian dan barang-barang perindustrian dapat diproses. Oleh itu, kegiatan ekonomi akan berjalan dengan lancar dan kesannya wujudlah pembangunan.

Untuk sampai ke satu-satu tempat yang jauh memerlukan jarak masa yang sangat lama. Dengan menaiki kenderaan, masa yang panjang dapat dikurangkan. Contohnya apabila kita menaiki kapal terbang dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang. Masa yang diambil untuk sampai ke sana hanyalah empat puluh lima minit. Ini amat menjimatkan masa serta tenaga.

Jadi jelaslah bahawa kenderaan adalah agen pengangkutan yang amat penting. Dengan adanya kenderaan semua kerja dapat dilakukan dengan mudah, cepat tepat dan cepat.

Tip :

Isi karangan berbentuk fakta adalah senang dicari secara peta minda.

Karangan Jenis Perbincangan

1. Karangan jenis ini membicarakan dua sudut secara serentak iaitu sesuatu isu dan persoalan.
2. setelah mengemukakan pengenalan (maksud atau definisi tajuk)
3. perlu mentafsirkan tajuk sama ada benar atau salah, baik atau buruk, tetapi pendapat menjurus ke arah tajuk
4. tulis bahagian isi (pastikan anda dapat menyediakan 4 isi)
5. setiap isi haruslah dibincangkan (yang penting didahulukan)
6. kamu harus mampu mengembangkan sesuatu isi (perlu penghujahan yang benar dan logik)
7. setelah siap mengembangkan isi kemukakan bahagian penutup (berupa penegasan terhadap tajuk).

Tinggal di kampung lebih baik tinggal di bandar.

Pendahuluan :

- n ulasan kamu mengenai tempat tinggal kamu
- n pilihlah yang mana sesuai

isi

- i. alam sekitar
 - n udara , bunyi , air
- ii. jimat perbelanjaan
 - n sumber makanan yang murah dan segar
- iii. hidup berjiran
 - n tolong-menolong , bekerjasama
- iv. suasana lebih aman
 - n jauh daripada kesibukan , jenayah , kecurian

Penutup

penegasan kepada tajuk

Tinggal di kampung lebih baik daripada tinggal di bandar. Di kampung banyak keaslian dan kecantikan alam semulajadi yang tidak terdapat di bandar.

Saya suka tinggal di kampung kerana di sini terdapat pokok-pokok yang menghijau , burung-burung berkicauan dan sungai-sungai yang jernih airnya. Di kampung suasananya aman dan damai. Udaranya bersih dan nyaman , jauh daripada pencemaran udara. Oleh itu tinggal di kampung lebih sihat daripada tinggal di bandar.

Tinggal di kampung boleh menjimatkan wang. Kita boleh menggunakan air yang tidak berbayar dan air perigi yang sejuk dan jernih untuk di minum, membasuh, dan mandi. Kita juga boleh menanam dan makan sayur-sayuran yang segar.

Orang-orang di kampung hidup tolong-menolong , bergotong-royong dan bertegur-sapa di antara satu sama lain. Dengan ini hidup lebih bermakna dan dapat menghindarkan diri dari pengaruh -pengaruh yang boleh merosakkan dan menjatuhkan moral.

Suasana yang tenteram dan damai , udara yang segar dan penduduknya yang berbudi bahasa menyebabkan tinggal di kampung lebih baik daripada di bandar.

Tajuk : Bincangkan kebaikan dan keburukan menonton televisyen.

Televisyen merupakan alat ciptaan manusia hasil daripada perkembangan sains dan teknologi. Alat perhubungan ini amat popular pada masa kini.

Menonton televisyen mempunyai banyak kelebihan kerana televisyen menyiarkan pelbagai peristiwa yang berlaku di seluruh dunia. Melaluinya, kita dapat mengetahui cara dan gaya hidup masyarakat lain. Selain itu, terdapat juga rancangan-rancangan bercorak pendidikan yang disiarkan misalnya rencana. Kita akan memperolehi ilmu yang berfaedah daripada siri tersebut.

Namun begitu, menonton televisyen juga boleh melalaikan dan membuang masa di depan televisyen terutamanya pelajar-pelajar. Mereka lebih suka menghabiskan masa di depan televisyen tanpa menghiraukan pelajaran.

Kesimpulannya, kita boleh menonton televisyen tetapi mesti mengetahui batas-batas kerana televisyen mempunyai kebaikan dan keburukan.

Karangan Jenis Laporan.

- Karangan jenis ini menghendaki anda melaporkan sesuatu peristiwa yang didengar atau dilihat.
- Hendaklah disampaikan dengan tepat dan mudah difahami.
- Dalam membuat karangan berbentuk laporan, kamu hendaklah menggunakan butir-butir yang munasabah atau lojik.
- Kamu perlu memastikan jenis laporan, sama ada laporan aktiviti persatuan, perayaan, sambutan, perasmian, atau lawatan ke sesuatu tempat.
- Untuk laporan aktiviti persatuan sertakan nama ahli jawatankuasa, sejarah penubuhan, jumlah ahli, dan aktiviti sepanjang tahun. Pelapor mesti berjawatan setiausaha.
- Untuk laporan lawatan pula, tulis apa yang dilihat, dirasa, dan dialami serta kesan lawatan terhadap pembelajaran.
- Penulisan mengikut perkembangan peristiwa, yang dahulu didahulukan.
- Gunakan bahasa yang ringkas dan padat

Tajuk Laporan : Ditulis dengan **huruf besar** pada setiap awal kata dan digaris. atau ditulis dengan huruf besar semuanya. Tajuk hendaklah ditulis ditengah-tengah. Boleh ditulis dalam dua baris jika tajuk tertalu panjang.

Isi Laporan : Bermula dengan pendahuluan dan diakhiri dengan penutup.

Pengakuan pelapor: Ditulis **di sebelah kiri** selepas perenggan terskhir.

Tarikh : Ditulis **di sebelah kanan** laporan, setentang dengan pengakuan pelapor.

Tandatangan pelapor Ditulis **di sebelah kiri** bahagian bawah **selepas** pengakuan pelapor.

Nama Pelapor : Ditulis dengan **huruf besar** di dalam **kurungan** selepas tandatangan.

Jawatan Pelapor : Ditulis **di sudut kiri bahagian bawah** laporan dan dibubuh tanda koma di hujungnya .

Seterusnya ditulis nama persatuan yang diwakili

Contoh Karangan Laporan.

Tajuk : Andaikan bahawa anda setiausaha sesuatu persatuan di sekolah anda. Anda dikehendaki menyediakan laporan tentang kegiatan-kegiatan yang telah dijalankan oleh persatuan tersebut. Sediakan laporan itu selengkapnya.

Rangka:

1. Pendahuluan:

penubuhan persatuan-anggota persatuan-tujuan penubuhan

2. Isi

- a) kegiatan-peraduan menulis esei tentang sains-pemenang
- b) ceramah -pensyarah dari USM
- c) gotong-royong-membersihkan kawasan sekolah
- d) lawatan ke Taman Ular

3. Penutup

-berterima kasih kepada guru penasihat.

KARANGAN

Laporan Kegiatan Persatuan Matematik Dan Sains Sekolah Kebangsaan Darau.

Persatuan Matematik dan Sains dibentuk pada tahun 1982. Anggota-anggota persatuan ini berjumlah 60 orang. Mereka terdiri daripada pelajar Tahun Empat hingga Tahun Enam. Persatuan ini dibentuk untuk meningkatkan taraf pencapaian pelajar dalam matapelajaran Sains dan Matematik. Selain itu, melalui persatuan ini, pelajar dapat bertukar-tukar pendapat tentang pelajaran masing-masing.

Persatuan ini telah menjalankan beberapa kegiatan sepanjang tahun 1995. Kegiatan-kegiatan tersebut berbentuk akademik dan bukan akademik. Kegiatan pertama yang kami jalankan ialah "Peraduan Menulis Esei Tentang Sains". Sambutan yang diberikan terhadap peraduan ini adalah sangat menggalakkan. Peraduan ini dimenangi oleh Suriani Mat Zin, pelajar Tahun Enam Mawar.

Kami juga menganjurkan ceramah tentang sains dan matematik. Ceramah ini disampaikan oleh pensyarah dari Universiti Malaysia. Selain itu, kami turut mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan

sekolah. Kami memeperindahkan kawasan taman pra dengan menanam berbagai jenis bunga dan menamakan pohon-pohon tersebut mengikut istilah sains.

Pada cuti penggal kedua persekolahan, kami mengadakan lawatan ke Taman Ular di Batu Pahat. Sebagai hasil lawatan ini, kami banyak memperolehi pengetahuan tentang penyelidikan yang dijalankan oleh pihak Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia di situ.

Pada keseluruhannya, kami berpuas hati dengan kegiatan-kegiatan yang kami jalankan. Kami juga berterima kasih kepada guru penasihat, Cikgu Rosmini Jaafar yang banyak memberikan bimbingan kepada kami.

Disediakan oleh,

25 Januari 1996

Azmi

(AZMI SULAIMAN)

Setiausaha Persatuan Matematik dan Sains
Sekolah Kebangsaan Darau, Jerteh, Terengganu.

- mesti ditulis mengikut format (jika tersalah format, - tolak 3 markah)
- a] tajuk / perkara (jika tiada - tolak 1 markah)
- b] nama pelapor (jika tiada - tolak 1 markah)
- boleh ditulis dalam bentuk karangan biasa / catatan

Tajuk : Sekolah anda telah mengadakan Kempen Penggunaan Bahasa Baku. Anda sebagai setiausaha Badan Pengawas Sekolah diminta membuat laporan tersebut.

LAPORAN KEMPEN PENGGUNAAN BAHASA BAKU

Pada 15 hingga 22 Febuari 1997, Sekolah Kebangsaan Darau telah mengadakan Kempen Penggunaan Bahasa Baku. Kempen ini telah dilancarkan oleh Pegawai Pendidikan Daerah Besut, Encik Ahmad Harif.

Tujuan kempen ini diadakan adalah untuk meluaskan penggunaan bahasa baku di kalangan murid-murid. Di samping itu, kempen ini juga bertujuan untuk memupuk minat pelajar mendalami bahasa kebangsaan.

Sempena kempen ini, pelbagai acara menarik telah dijalankan. Bagi murid-murid Tahun 4, 5 dan 6 pertandingan syarahan, perbahasan, mengarang esei telah dianjurkan. Manakala bagi murid-murid Tahun 1, 2, dan 3 pula diadakan pertandingan membaca sajak dan bercerita.

Pada hari penutup, Tuan Guru Besar melahirkan rasa kesyukuran kerana kempen ini telah berjalan dengan lancar. Para pemenang setiap pertandingan telah diberi hadiah berupa wang tunai dan sijil penghargaan.

Disediakan oleh,

Osman

.....
(OSMAN BIN JUSOH)

Setiausaha,
Badan Pengawas,
Sekolah Kebangsaan Darau, Jerteh.

Karangan Jenis Surat Rasmi

Surat rasmi ditulis untuk tujuan-tujuan seperti yang berikut antaranya :

- a. memohon pekerjaan
- b. membuat aduan / bantahan / cadangan
- c. membuat rayuan
- d. membuat jemputan rasmi
- e. menempah barangan

- f. meminta kebenaran
 - g. atau apa-apa yang melibatkan urusan rasmi
1. Surat rasmi adalah salah satu karangan yang memerlukan kita sensitif dengan penggunaan tanda baca seperti penggunaan huruf besar dan huruf kecil. (Anda boleh dapatkan bantuan daripada guru.)
 2. Karangan ini juga merupakan karangan yang penuh dengan format tersendiri yang mesti kamu ikuti. Ini memudahkan anda melakukan kesalahan serta mudahlah markah anda melayang. Ia juga memudahkan anda mendapat markah jika anda mahir dengan formatnya.
 3. Perhatikan format di bawah.

Alamat Penulis

(garisan panjang) _____

Jawatan / penerima

Alamat (pejabat, sekolah, dsb)

Tarikh : (selari dengan nama negeri)

Tuan / Puan,

Tajuk /Perkara / Hal (Permulaan Perkataan Huruf Besar Dan Gariskan)

Menyatakan tujuan (*perenggan tiada nombor dan rapat disebelah kiri*)

2. (*Menyatakan isi -isi atau hal-hal lain yang berkaitan dengan tajuk. cuba sampaiakn sekurang-kurangnya tiga isi penting yang berkaitan antara satu sama lain*)

3. (*Menyatakan hal-hal lain yang ada hubungannya dengan hal yang kita kemukakan , misalnya alasan yang boleh memungkinkan permohonan kita dipertimbangkan .*)

(Penutup)

Yang benar, (*perhatikan penggunaan huruf yang digunakan*)

Nama Penuh (HURUF BESAR)

Jawatan (Huruf Kecil)

Tuliskan sepucuk surat kepada Setiausaha Sukan sekolah kamu untuk memberitahunya bahawa Pasukan Bola Jaring sekolah kamu memerlukan sebiji bola baru bagi menggantikan bola yang telah rosak.

Rangka

1. alamat pengirim (*permulaan perkataan dalam huruf besar*) (*jangan lupa tanda koma diujungnya*) kemudian selang satu baris
2. buat satu baris panjang melintang kemudian selang satu baris
3. nama (jawatan) serta alamat penerima (*permulaan perkataan dalam huruf besar*)(*alamat yang terakhir digariskan*)
4. tarikh (*selari dengan alamat terakhir penerima*) (*bulan ditulis dalam huruf besar*)
5. kata ganti diri penerima (Tuan,)
6. perkara / tajuk (*permulaan perkataan dalam huruf besar dan digariskan*)
7. perenggan pertama tujuan menulis surat ini (*tiada jarak perenggan, lihat contoh*)
8. perenggan ke-2 - bola lama tidak dapat digunakan lagi
 - memerlukan bola baru
 (*bagi perenggan kedua dan seterusnya mempunyai nombor serta tanda noktah. Jarakkan sedikit sebelum menulis*)
9. perenggan ke-3 berharap agar permohonan diluluskan supaya latihan tidak terganggu
10. perenggan ke-4 mempunyai masa yang singkat sebelum hari perlawanan

11. penutup terima kasih
12. tandatangan pengirim (boleh ditulis nama secara bersambung atau tidak)
13. nama penuh (huruf besar) dalam kurungan
14. jawatan jika ada (permulaan perkataan dalam huruf besar)
15. berhati-hati dalam penggunaan tanda baca seperti huruf besar , tanda noktah dan ko ma.

Pasukan Bola Jaring,
Sek. Keb. Seri Kenangan Darau,
22000 Jerneh.

Encik Musa Bin Hassan,
Setiausaha Sukan,
Sek. Keb. Seri Kenangan Darau,
22000 Jerneh.

24 APRIL 1998.

Tuan,

Memohon Sebiji Bola Baru Bagi Menggantikan Bola Lama

Saya sebagai Ketua Pasukan, Pasukan Bola Jaring Sek. Keb. Seri Kenangan Darau ingin memohon sebiji bola yang baru bagi menggantikan yang lama.

2. Bola yang sedia ada itu telah rosak dan tidak dapat digunakan lagi. Kami memohon bola baru itu melicinkan lagi latihan yang sedang kami jalankan sebagai persediaan untuk menghadapi perlawanan yang akan datang.
3. Kami berharap permohonan kami ini akan segera diluluskan. Dengan ini latihan yang kami adakan setiap hari itu tidak tergendala.
4. Untuk pengetahuan tuan, kami hanya mempunyai masa dua minggu lagi untuk berlatih sebelum turun ke padang untuk menghadapi perlawanan.

Sekian, terima kasih

Yang benar,

Widyawati

.....
(WIDYAWATI BINTI HUSAIN)
Ketua Pasukan,
Pasukan Bola Jaring,
Sek. Keb. Seri Kenangan Darau.

- | | |
|---|--------------------|
| - mesti ditulis mengikut format (jika tersalah format, | - tolak 3 markah) |
| a] alamat (salah letak / jika tiada | - tolak 1 markah) |
| b] tarikh (salah letak / jika tiada | - tolak 1 markah) |
| c] panggilan hormat (salah letak / jika tiada | - tolak 1 markah) |
| d] tajuk / perkara (salah letak / jika tiada | - tolak 1 markah) |
| e] tanda tangan dan nama (salah letak / jika tiada | - tolak 1 markah) |

- isi mengikut perenggan biasa

Tajuk : Persatuan Bahasa Melayu sekolah anda akan mengadakan lawatan sambil belajar ke Unit Akhbar Dalam Darjah, Berita Harian. Tuliskan sepucuk surat permohonan kepada akhbar tersebut.

Persatuan Bahasa Melayu,
Sekolah Kebangsaan Darau,
22000 Jerneh,
Terengganu.

Ketua Pengarang,
Unit Akhbar Dalam Darjah (ADD) ,
Berita Harian Sendirian Berhad,
31, Jalan Riong,
59100 Kuala Lumpur.

10 JANUARI 1997.

Tuan,

Permohonan Mengadakan Lawatan Sambil Belajar

Saya bagi pihak Persatuan Bahasa Melayu sekolah ini ingin memaklumkan bahawa persatuan kami bercadang untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke Unit Akhbar Dalam Darjah (ADD) pada 27 Januari 1997, jam 9.30 pagi.

2. Rombongan kami terdiri daripada 30 pelajar dan tiga guru pengiring. Tujuan kami mengadakan lawatan ini adalah untuk mengetahui matlamat unit ADD ditubuhkan dan bagaimana mengendalikannya.
3. Oleh itu, saya berharap permohonan ini akan diluluskan oleh pihak tuan.
4. Segala kerjasama tuan, saya ucapkan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

Nazimah

.....
(NAZIMAH NAZIM)
Setiausaha Persatuan Bahasa Melayu,
Sekolah Kebangsaan Darau,
22000 Jerneh,
Terengganu.

Karangan Jenis Surat Tidak Rasmi (biasa)

Jenis Surat Kiriman Tidak Rasmi:

Surat tidak rasmi ialah surat yang biasanya ditulis kepada ahli keluarga atau sahabat handai.

Biasanya ditulis dengan tujuan untuk memberitahu sesuatu perkara seperti antaranya ;

1. Surat ucap tahniah
2. Surat ucap takziah
3. bertanya khabar berita
4. menceritakan empat-tempat menarik di Malaysia kepada sahabat
5. Pengalaman di tempat baru seperti di sekolah baru
6. Surat minta kebenaran ibu bapa / penjaga
7. membalas surat yang dihantar oleh orang lain
8. dan sebagainya

Tahukah kamu ?

Tarikh boleh ditulis dalam dua cara, iaitu

Cara A : 8 Februari 1998.

Cara B : 8 hb. Februari, 1998.

Mulakan menulis surat dengan bertanyakan khabar dan menceritakan keadaan kesihatan penulis.

Jika membalas surat, sebelum menanyakan sesuatu , terlebih dahulu jawab pertanyaan yang dikemukakan sebelum ini.

Gunakan panggilan mengikut usia atau pangkat seperti :

nenda, ayahanda , ibunda / bonda , kakanda / kanda , adinda , anakanda , dan cucunda.

Jangan menggunakan ganti nama aku, awak, ataupun kamu.

Akhiri surat dengan salam, penghargaan, terima kasih dan keinginan untuk berutus surat lagi.

Format Surat Kiriman Tidak Rasmi

(Nama Penulis).....

(Alamat).....

 Tarikh :

(Tertip menghadapkan surat kepada pihak yang menerima surat)

Saudara, (atau yang lain)

(Hal-hal yang ingin disampaikan / dinyatakan. Ada baiknya sesuatu isi disampaikan dalam perenggan yang berasingan)

Yang benar,

 (Nama Huruf Besar)

Tulis sepucuk surat kepada seorang kawan kamu untuk mengajaknya datang ke rumah kamu pada hujung bulan ini kerana buah-buahan di kebun ayah kamu sedang berbuah.

- 1 Nama dan alamat pengirim (kanan)
- 2 Tarikh (kanan)
- 3 Kata hadap atau pembuka kata dan kata-kata pujian
- 4 Kata sapaan atau panggilan hormat (rapat ke garisan tepi dan koma)
- 5 Perenggan pertama menyatakan tujuan surat itu ditulis
- 6 Perenggan ke-2 buah-buahan sedang masak
ayah memajak sebahagian sahaja
keluarga serta kawan-kawan dapat merasai
- 7 Perenggan ke-3 boleh ajak keluarga serta kawan-kawan bersama-sama
terima kasih
- 8 Penutup
- 9 Tandatangan pengirim (kanan)
- 7 Perakuan diri (kanan)

Faridah Binti Osman
 49, Kampung Darau,
 22000 Jerneh,
 Terengganu.

2 Julai 1998.

Menemui sahabatku Noorhanim yang berada di Kampung Kuala Besut, semoga berada dalam keadaan sihat sejahtera.

Saudari,

Saya berharap saudari masih tidak melupai saya. Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk mengajak saudari datang ke rumah saya pada cuti hujung bulan nanti.

Untuk pengetahuan saudari, buah-buahan di kebun ayah saya sedang masak. Buah-buahan pada musim ini sungguh menjadi, terutama manggis. Ayah saya memajakkan sebahagian sahaja. Selebihnya ditinggalkan supaya keluarga serta sahabat handai kami sama-sama dapat merasainya.

Saya berharap Noor tidak keberatan untuk datang ke rumah saya. Kalau saudari suka , ajaklah keluarga serta kawan-kawan saudari datang bersama-sama. Boleh mereka sama-sama merasai keenekkan buah manggis, rambutan, langsung serta durian.

Saya berharap saudari bersetuju dan memberitahu saya secepat mungkin. Saya akan menunggu kedatangan saudari itu.

Sampai di sini sahaja yang sempat saya tuliskan. Akhir kata , sambutlah salam mesra daripada saya untuk saudari sekeluarga. Semoga kita dapat bertemu nanti.

Sekian , terima kasih.

Yang benar,
Faridah
(FARIDAH OSMAN)

- | | |
|---|--------------------|
| - mesti ditulis mengikut format (jika tersalah format, | - tolak 3 markah) |
| a] alamat (salah letak / jika tiada | - tolak 1 markah) |
| b] tarikh (salah letak / jika tiada | - tolak 1 markah) |
| c] kata sapaan (salah letak / jika tiada | - tolak 1 markah) |
| d] tajuk / perkara (salah letak / jika tiada | - tolak 1 markah) |
| e] tanda tangan dan nama (salah letak / jika tiada | - tolak 1 markah) |

Tahukah kamu ?

Tidak menjadi kesalahan jika tidak menulis nama selepas tandatangan jika kamu telah menulis nama penuh pada alamat di atasnya. Ada pendapat mengatakan, anda dianggap 'ketinggalan zaman' jika anda menulis nama pada alamat di atas sekali.

PENGALAMAN DI SEKOLAH BARU

294 , Kampung Darau,
Jalan Awak,
22000 Jerneh,
Besut,
Terengganu.
17 September 1997.

Assalamualaikum.

Menemui sahabatku , Suzilaini yang kini berada di Kampung Minangkabau semoga berada di dalam situasi yang meyakinkan. Apa khabar saudari?

Saudari,

Tujuan saya mengutus warkah yang tidak seberapa ini adalah untuk menceritakan tentang pengalaman saya di sekolah baru saya iaitu Sekolah Kebangsaan Darau.

Pada hari pertama di sini, saya didaftarkan. Saya berkenalan dengan rakan-rakan sekelas. Mereka sungguh baik hati dan bersopan santun. Mereka juga selalu menolong saya ketika dalam kesusahan.

Pada waktu rehat saya memerhati kawasan sekeliling sekolah itu. Ia bersih dan kemas. Disiplin di sekolah itu juga ketat . Saya lihat, semua pelajar di sekolah berkenaan begitu mematuhi peraturan.

Setakat ini sahaja yang dapat saya coretkan. Semoga bersua lagi di lain lembaran.

Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,

(Yusni Amran)

SURAT MINTA KEBENARAN

Dorm C,
Asrama Perkaya,
22300 Dungun,
Terengganu.
14 Mei 1997.

Assalamualaikum.

Menemui ayahanda yang dikasihi, semoga berada di dalam lindungan rahmat Ilahi.

Ayahanda,

Apa khabar keluarga di sana? Anakanda berharap agar semuanya berada dalam keadaan sihat. Anakanda di asrama sihat sejahtera.

Tujuan anakanda menulis surat ini ialah untuk meminta kebenaran ayahanda untuk menyertai rombongan yang diadakan oleh sekolah anakanda. Rombongan ini akan melawat beberapa tempat yang menarik di sekitar Kuala Lumpur. Lawatan tersebut akan diadakan pada 13 Mei 1997.

Untuk tujuan tersebut, anakanda memerlukan wang sebanyak RM 100.00 sebagai bayaran tambang, penginapan, dan selebihnya sebagai wang saku.

Akhir kata, sambutlah salam rindu daripada anakanda khas untuk ayahanda dan keluarga di sana.

Sekian, terima kasih.

Anakanda yang jauh,

(Saiful Anwar)

Tajuk : Kamu mempunyai seorang sahabat yang bakal menduduki peperiksaan UPSR. Tuliskan sepucuk surat kepada sahabat kamu itu. Tanyakan tentang persediaannya dan seterusnya usaha-usaha yang kamu berdua lakukan untuk lebih berjaya dalam peperiksaan itu kelak.

127, Simpang Enam Mawar,
22000 Jerneh,
Terengganu Darul Iman.
24 Mac 1997

Ke hadapan sahabatku Halim yang berada di Kuantan, semoga di dalam keadaan sihat sejahtera.

Saudara,

Kira-kira dua bulan lagi kita akan menghadapi peperiksaan UPSR. Mungkin ketika ini saudara telah bersedia. Saya beranggapan begitu kerana sejak dari dahulu lagi saudara mengamalkan prinsip iaitu belajar bersungguh-sungguh bagaikan esok hari peperiksaan.

Saya juga berusaha mengamalkan prinsip saudara. Tetapi, saya ingin menambah, mungkin saudara bersetuju bahawa pembelajaran di kelas sahaja tidak mencukupi. Kita juga perlu rajin membaca surat khabar atau majalah untuk mempertingkatkan Bahasa Melayu. Bagi pelajaran lain seperti Matematik, kita hendaklah rajin membuat latihan sendiri.

Guru saya selalu menasihati agar kita jangan mudah berasa puas hati dengan ilmu di dada. Rajin - rajinlah membuat rujukan. Sehubungan dengan itu bersama-sama ini saya sertakan contoh-contoh soalan peperiksaan sekolah saya untuk rujukan saudara.

Semoga kita sama-sama berjaya mendapatkan lima 'A' dalam peperiksaan UPSR kelak. Untuk mengakhiri lembaran ini, saya mengucapkan selamat maju jaya.

Sekian sahaja. Terima kasih.

Sahabatmu,

.....
(ABDULLAH SANI)

Karangan Jenis Ucapan

1. ucapan dibuat untuk majlis perasmian, perpisahan, meraikan seseorang, atau mengingati hari tertentu.
2. mulakan karangan ucapan dengan kata-kata alu-aluan dan mengakhirinya dengan ucapan penutup.
3. nyatakan tujuan ucapan.
4. Ucapan biasanya lebih kepada tertumpu kepada penerangan, pujian, atau penghargaan.
5. pastikan isi-isi yang hendak disampaikan itu menyakinkan dan dapat menarik perhatian para hadirin.
6. bayangkan seolah-olah kamu sedang memberi ucapan dalam satu majlis yang sebenar.
7. Kamu boleh menyelitkan pantun, ungkapan atau peribahasa untuk menyedapkan ucapan sama ada pada permulaan atau penutupnya.
8. mesti di tulis mengikut format (terpesong format, tolak 3 markah)
 - a] kata - kata aluan (jika tidak ada, tolak 1 markah)
 - b] kata penegasan contoh Tuan-tuan dan puan-puan sekalian dan sebagainya (jika tiada tolak 1 markah)

Anda telah terpilih untuk mewakili rakan-rakan anda untuk memberi ucapan dalam perhimpunan sempena sambutan 'Hari Guru' di sekolah anda. Tuliskan ucapan tersebut.

Pengenalan : kata-kata aluan kepada hadirin
terima kasih kerana diberi peluang berucap

Perenggan ke-2 tujuan diadakan perayaan itu
jasa dan bakti guru

Perenggan ke-3 pengorbanan guru besar sekali
tanpa guru, pengajaran dan pelajaran tidak sempurna
guru patut dikenang dan disanjung tinggi

Perenggan ke-4 guru membimbing dan mendidik kita
kita mesti belajar bersungguh-sungguh agar tidak menghampakan harapan mereka

Penutup : ucapan terima kasih kepada semua guru
ucapan selamat menyambut 'Hari Guru'

UCAPAN HARI GURU

Assalamualaikum.

Yang Mulia Tuan Pengerusi Majlis, Yang dihormati Tuan Guru Besar, guru-guru dan seterusnya rakan-rakan sekalian.

Terlebih dahulu saya berterima kasih kepada Tuan Pengerusi Majlis kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam majlis yang mulia ini.

Hadirin sekalian,

Sebagaimana yang kita maklum Hari Guru disambut pada 16 Mei 1997 Perayaan yang seumpama ini disambut setiap tahun. Tujuan perayaan ini adalah untuk menenggang dan menghargai jasa serta bakti guru-guru selama ini.

Pengorbanan guru terhadap kita besar sekali. Tanpa guru, kita sudah tentu susah untuk mendapatkan pelajaran dan pengajaran dengan sempurna. Guru ibaratkan sebagai sebatang lilin yang sanggup membakar diri demi murid-muridnya. Oleh itu jasa guru patutlah dikenang dan disanjung tinggi.

Guru adalah seperti ibu bapa kita sendiri. Mereka membimbing dan mendidik kita supaya menjadi orang yang berguna. Oleh itu marilah kita semua belajar dengan bersungguh-sungguh agar tidak menghampakan harapan mereka.

Hadirin sekalian

Terima kasih saya ucapkan kepada guru-guru yang telah mengajar, mengasuh dan mendidik kami tanpa jemu. Akhir sekali, kami meminta ampun di atas segala kesilapan yang dilakukan oleh kami selama ini. Sekali lagi saya ucapkan selamat menyambut Hari Guru.

Sekian, terima kasih.

Yang Dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Tuan Guru Besar, Yang Diraikan guru-guru dan rakan-rakan sekalian. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang berucap di majlis ini.

Saya berasa bangga dan gembira kerana dapat menyambut Hari Guru pada hari ini. Kita semua patut bersyukur kerana dapat bertemu pada hari yang mulia ini. Saya mengucapkan Selamat Hari Guru kepada guru-guru.

Rakan-rakan sekalian,

Kita semua harus berterima kasih di atas segala jasa yang guru kita berikan. Jasa mereka terlalu banyak. Kita haruslah menghargainya dengan sebaik-baiknya.

Kami doakan supaya guru-guru dirahmati Allah s.w.t. Semoga dipanjangkan umur dan sentiasa berada dalam keadaan bahagia selalu.

Kami juga ingin meminta maaf di atas segala kesilapan yang dilakukan. Semua orang yang pernah melakukan kesalahan. Kami harap guru-guru dapat memaafkan kami. Kami berjanji akan patuh kepada semua arahan guru.

Akhir kata, saya ingin sekali lagi mengucapkan selamat Hari Guru. Semoga kita dapat berjumpa lagi di majlis seperti ini di tahun-tahun akan datang. Sekian, terima kasih.

UCAPAN PELAJAR CEMERLANG

Assalamualaikum,

Yang Mulia Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Tuan Haji Nawi Jaafar, guru-guru dan rakan-rakan sekalian.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Pengerusi Majlis kerana sanggup memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam majlis yang mulia ini.

Rakan-rakan sekalian,

Saya berasa terharu dan ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa pemilihan kerana memilih saya sebagai pelajar cemerlang Sekolah Kebangsaan Darau pada tahun ini.

Guru-guru sekalian,

Terima kasih juga saya ucapkan kepada guru-guru kerana telah mengajar dan mendidik saya sehingga berjaya dalam UPSR dan di pilih pula sebagai pelajar cemerlang. Sebenarnya kejayaan saya ini bukanlah hasil saya seorang tapi dengan adanya usaha guru saya berjaya.

Tidak lupa juga kepada ibu bapa yang selalu mendorong saya sehingga mencapai kejayaan seperti hari ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan kerana selalu bekerja sama membantu dalam pelajaran dan bertukar pendapat.

Akhir sekali, kepada adik-adik, saya doakan supaya adik-adik berjaya dan belajarlah bersungguh-sungguh dan janganlah berputus asa.

Sekian, terima kasih.

UCAPAN TAHNIAH

Assalamualaikum.

Yang Mulia Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Tuan Guru Besar, guru-guru, yang diraikan Nor Azlina Binti Ahmad dan rakan-rakan sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi Majlis kerana memberi peluang untuk saya berucap di majlis yang mulia ini.

Rakan-rakan sekalian,

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah atas kejayaan yang dimiliki oleh beliau. Saya berharap agar beliau bersyukur atas kejayaan ini.

Hadirin sekalian,

Kita semua ingin mengetahui bagaimanakah caranya beliau membahagikan masa untuk belajar dan bermain. Saya berharap dengan cara yang akan beliau berikan nanti, rakan-rakan akan meraih kejayaan yang cemerlang seperti beliau.

Selama ini beliau berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan seperti hari ini. Hari ini beliau telah mencapai kejayaan dengan usaha gigih dan berkat doa beliau sendiri berserta ibu bapanya.

Akhir sekali, sebelum saya mengundur diri sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada beliau. Teruskan usaha anda dan capailah kejayaan yang lebih cemerlang.

Sekian, terima kasih.

UCAPAN TAKZIAH

Assalamualaikum .

Yang Mulia Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berbahagia Tuan Guru Besar , guru-guru ,dan rakan-rakan yang dikasihi sekalian.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi Majlis kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap di pagi yang mulia ini .

Hadirin sekalian,

Saya ingin mengucapkan takziah kepada Nurul Nadia binti Abdul Ghani yang telah terlibat dalam kebakaran baru-baru ini.

Saya berharap agar Nurul tidak terlalu sedih dan bersabar atas apa yang menimpa diri Nurul. Sebenarnya ini adalah dugaan dari Yang Maha Esa. Mungkin di sebalik peristiwa ini ada hikmah yang tersembunyi .

Kami sedia menghulurkan bantuan serta sumbangan jikalau Nurul memerlukan apa - apa pertolongan.Saya bagi pihak murid tahun enam menghulurkan bantuan sebanyak RM 100.00.

Untuk mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ucapkan takziah.

Sekian, terima kasih.

Tip

Semua karangan jenis ucapan mempunyai kata aluan yang hampir sama. Lihat contoh di bawa h. Cuba kamu perhatikan penggunaan huruf besar pada tempat yang tertentu. Lihat juga penggunaan kata penegasan.

Assalamualaikum

Selamat pagi dan selamat sejahtera saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Tuan Guru Besar, guru-guru khususnya guru-guru Tahun Enam dan pelajar sekalian.

Hadirin yang saya hormati sekalian.

Tujuan saya berdiri di sini adalah untuk menyampaikan satu ucapan sempena majlis perpisahan murid-murid Tahun Enam. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana dib eri peluang berucap di majlis ini.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa tanpa kita sedari sudah enam tahun masa berlalu dan sudah.....

Karangan Jenis Syarahan.

1. Syarahan biasanya berdasarkan satu-satu tajuk tertentu dan dipertandingkan.
2. Memberi ucapan salam dan menyebut nama-mana tetamu hadir yang dijemput khas (mengikut urutan betul berdasarkan statusnya) . Tujukan juga salam kepada pihak -pihak lain atau orang ramai yang menghadiri majlis berkenaan.
3. Bahasa yang digunakan harus mudah difahami, padat, tegas dan berkesan serta menyakinkan.
4. Kandungan syarahan adalah berasaskan kepada sesuatu tajuk tertentu yang diberi.
5. jika mengemukakan masalah, calon hendaklah menyelesaikan masalah berkenaan bukannya dijadikan persoalan.
6. kemukakan isi demi isi. Sebelum memaparkan isi , sebut ungkapan seumpama ‘tuan-tuan dan puan yang saya hormati ‘ tuan-tuan dan puan-puan sekalian, para hadirin yang saya muliakan...(tulis ungkapan penegasan ini dalam barisnya sendiri sebelum kita men gemukakan sesuatu isi).
7. Syarahan mesti menarik agar pendengar tidak merasa jemu
8. kata-kata hikmat, kiasan, jenaka atau peribahasa boleh diselitkan dalam syarahan supaya lebih menarik
9. mengakhiri syarahan dengan memohon maaf / ucapan terima kasih

- mesti di tulis mengikut format (terpesong format , tolak 3 markah)

a] kata - kata aluan (jika tidak ada , tolak 1 markah)

b] kata penegasan contoh Tuan-tuan dan puan-puan sekalian dan sebagainya (jika tiada tolak 1 markah)

Anda dikehendaki menyampaikan sebuah syarahan yang bertajuk ‘Mengisi Masa Lapang dengan Perkara yang Berfaedah’.

Pengenalan kata-kata aluan
ucapan terima kasih

Perenggan ke-2 tajuk syarahan

Perenggan ke-3 melibatkan diri dalam kegiatan ko-kurikulum
dapat menambahkan pengalaman serta ilmu pengetahuan

Perenggan ke-4 membaca untuk mengisi masa lapang
banyak bahan bacaan
aktiviti yang paling berfaedah

Penutup ucapan terima kasih

Yang mulia Tuan Pengerusi Majlis, Guru Besar, guru-guru, rakan-rakan pelajar serta hadirin sekalian. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi syarahan pada hari ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Tajuk syarahan saya ialah 'Mengisi Masa Lapang dengan Perkara yang Berfaedah'. Masa lapang tidak seharusnya dibiarkan berlalu begitu sahaja. Ia perlu diisi dengan perkara-perkara yang berfaedah.

Ada berbagai-bagai cara untuk mengisi masa lapang. Di antaranya ialah melibatkan diri dalam kegiatan ko-kurikulum. Dengan cara itu ia dapat menambahkan pengalaman serta ilmu pengetahuan.

Ada juga orang yang memilih membaca untuk mengisi masa lapang. Banyak bahan bacaan yang dapat dibaca. Ia merupakan satu aktiviti yang paling berfaedah untuk mengisi masa lapang.

Hadirin sekalian,

Contoh-contoh yang saya telah sebutkan tadi, mendatangkan faedah serta keuntungan. Itulah antara beberapa perkara yang boleh dilakukan sebagai mengisi masa lapang.

Sekian sahaja syarahan saya untuk kali ini. Saya sudah dengan ucapan terima kasih dan assalamualaikum.

SOALAN: Andaikan bahawa anda terpilih mewakili kelas anda untuk menyampaikan syarahan. Tajuk syarahan itu ialah "Membazir Adalah Amalan Yang Tidak Baik". Sediakan teks syarahan anda tersebut.

RANGKA

1. PENDAHULUAN.

-ucapan alu-aluan kepada Tuan Pengerusi Majlis, para hakim, Guru Besar, guru-guru, dan rakan-rakan sekalian.

2. ISI

a) banyak mendatangkan keburukan-jika terlalu boros berbelanja, kita tidak akan mempunyai wang pada masa kita memerlukannya-makanan yang dibeli secara berlebihan akan terbuang.

b) membuang masa dengan cara tidak berfaedah adalah amalan buruk-masa itu emas-gunakanlah masa dengan sebaik-baiknya.

c) membazir air dan elektrik -bil air dan elektrik meningkat -terpaksa mencatu air pada musim kemarau.

3. PENUTUP

membazir sememangnya amalan yang tidak baik -banyak mendatangkan keburukan.

KARANGAN

Yang Mulia Tuan Pengerusi Majlis, para hakim yang bijaksana, Guru Besar, guru-guru, dan rakan-rakan sekalian. Selamat sejahtera saya ucapkan. Tajuk syarahan saya pada kali ini ialah "Membazir Adalah Amalan Yang Tidak Baik.

Hadirin sekalian,

Kata "membazir" bermaksud berlebih-lebihan menggunakan sesuatu hingga ada yang terbuang. Amalan ini sebenarnya banyak mendatangkan keburukan. Misalnya jika kita terlalu boros berbelanja, kita tidak akan mempunyai wang ketika kita benar-benar memerlukannya. Makanan yang dibeli secara berlebihan mungkin tidak termakan dan akan dibuang.

Selain dari itu, membuang masa dengan cara yang tidak berfaedah adalah satu pembaziran. Bagi seorang murid, masa itu adalah emas. Oleh sebab itu, kita hendaklah membuat jadual waktu supaya masa kita dapat diisi dengan perkara-perkara yang berfaedah.

Kita digalakkan juga supaya tidak membazir air dan elektrik. Jika kita membazir air dan elektrik, kita terpaksa menggunakan wang yang banyak untuk membayar bil-bil berkenaan. Pada musim kemarau pula, kita akan menghadapi masalah kekurangan air dan terpaksa dicatu.

Oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya terpaksa mengakhiri syarahan saya ini. Sebagai kesimpulannya, saya ingin menekankan bahawa membazir adalah amalan yang tidak baik dan banyak mendatangkan keburukan kepada kita.
Sekian, terima kasih.

Tajuk : Anda menyertai pertandingan syarahan peringkat sekolah. Tajuk yang telah anda pilih ialah ' Faedah Membaca'

Yang dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Tuan Guru Besar, guru-guru, rakan-rakan dan hadirin sekalian. Assalamualailum dan selamat sejahtera.

Tajuk syarahan saya ialah ' Kepentingan Membaca'. Membaca adalah satu amalan yang mulia. Membaca boleh memberi manfaat kepada kita semua. Melalui pembacaan, kita dapat mengetahui pelbagai perkara. Contohnya melalui surat khabar. Akhbar merupakan sumber maklumat dan menyiarkan pelbagai peristiwa yang berlaku di seluruh dunia.

Saudara dan saudari sekalian,

Selain mendapat maklumat, membaca juga boleh mengisi masa lapang kita. Jika kita menjadikan sifat membaca sebagai amalan, sudah tentu masa kita tidak terbuang begitu sahaja. Jadi, kita boleh mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang tidak berfaedah seperti ber main-main dan merayau-rayau di kedai-kedai dan sebagainya.

Di samping itu, membaca boleh membaiki penguasaan bahasa kita. Melaluinya kita boleh menambah perbendaharaan kata.

Oleh itu, kita mestilah menjadikan tabiat suka membaca sebagai amalan hidup. Ma nusia yang suka membaca adalah manusia yang mempunyai banyak ilmu.

Sekian, saya sudahi syarahan saya dengan ucapan terima kasih.

Kamu telah menyertai pertandingan syarahan sempena Kempen Hijau yang telah diadakan di sekolah kamu. Tajuk syarahan kamu ialah Menjaga Alam Sekitar. Tuliskan syarahan kamu itu.

Yang Mulia Tuan Pengerusi Majlis, barisan hakim yang bijaksana, guru-guru dan rakan-rakan sekalian. Tajuk syarahan saya ialah 'Menjaga Alam Sekitar'.

Hadirin hadirat sekalian,

Alam sekitar adalah suasana yang wujud di sekeliling kita. Ini termasuk bumi yang kita pijak dan udara yang kita sedut. Semakin hari alam sekitar kita semakin tercemar.

Antara faktor-faktor pencemaran ialah pengeluaran asap-asap kotor daripada kenderaan dan kilang-kilang, sampah sarap yang sukar dihapuskan seperti longgokkan besi buruk, sungai yang dipenuhi sampah dan bangkai binatang.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Ini jelas membuktikan bahawa hidupan kita adalah terdedah kepada bahaya pencemaran alam sekitar. Oleh itu, kita hendaklah menjaga alam sekitar dengan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh mencemarkannya. Sebagai pengguna, kita hendaklah sama-sama mendisiplinkan diri dan menjaga kebersihan alam sekitar.

Sebagai mengakhiri syarahan ini, saya ingin tegaskan bahawa langkah serius perlu diambil dengan segera dalam usaha menjaga alam sekitar kita. Setiap individu perlu mempunyai kesedaran sivik yang tinggi dalam hal ini. Alam sekitar yang bersih menjamin kesihatan kita.

Sekian, terima kasih

Karangan jenis berita

1. Perlu memahami betul-betul kehendak soalan.
2. Berita mesti menjawab soalan Apa ? Siapa ? Bila ? Mengapa ? Di Mana ? dan Bagaimana?

3. Apa ?

menerangkan peristiwa yang berlaku dan menjadi persoalan berita
memberi maklumat kepada keseluruhan berita

4. Siapa ?

nama yang terlibat perlu penjelasan lengkap
jika perlu sertakan usia pelaku

5. Bila ?

menerangkan masa peristiwa itu berlaku
tarikh yang tepat
untuk kejadian jenayah ataupun kemalangan perlu letakkan waktu'

1. Mengapa ?

sebab-sebab peristiwa berlaku

jika sebab-sebab belum diketahui, nyatakan "belum diketahui" atau "pihak polis belum mendapat bukti"

2. Di mana ?

tempat kejadian peristiwa

jika nama tempat kurang diketahui umum sebagai contoh, daerah yang terpencil, letakkan sekali nama negeri
Bagaimana ?

menerangkan cara peristiwa itu berlaku dan urutan perkembangannya.

3. Mulakan penulisan dengan mencatatkan 'tempat' (huruf besar) diikuti dengan tarikh peristiwa itu berlaku.

Contoh : JERTEH, 24 Disember -

Tulis secara ringkas tentang saripati peristiwa yang berkenaan termasuk tarikh dan masa peristiwa itu berlaku. (Sebaik-baik tulis saripati kepada peristiwa yang berkenaan dalam satu perenggan sahaja.)

4. Pastikan agar pengenalan kamu dapat menarik perhatian pembaca.

5. Gunakan bahasa yang ringkas tetapi padat.

6. Perenggan yang berikutnya ialah tentang huraian-huraian yang lebih 'panjang-lebar'.

7. Nyatakan bahagian penutup secara ringkas

CONTOH KARANGAN BERITA

SOALAN;

Sepasukan polis telah berjaya menumpaskan satu sindiket mencuri kereta di Kuala Lumpur. Andaikan bahawa anda seorang pemberita, tuliskan berita tentang kejadian tersebut. Panjang karangan berita anda hendaklah tidak kurang daripada 80 patah perkataan.

Rangka.

1. PENDAHULUAN:

Sepasukan polis berjaya menumpaskan sindiket mencuri kereta -sekitar bandar raya.

2. ISI

a) berjaya mengesan beberapa kereta curi -siasatan dibuat beberapa minggu lalu-beberapa orang ditahan.

b) membuat serbuan di sebuah bengkel membaiki kereta - di Jalan Ipoh - lima orang ditahan -salah seorang ialah pakar mekanik.

c) polis menjumpai kepingan-kepingan pintu kereta -beberapa plat nombor palsu dijumpai di bengkel tersebut.

3. PENUTUP

seorang lelaki dicari -dapat membantu polis-orang ramai diminta memberikan maklumat tentang lelaki berkenaan.

CONTOH KARANGAN.

KUALA LUMPUR , 24 Mac - Sepasukan polis telah berjaya menumpaskan satu sindiket mencuri kereta di sekitar bandar raya. Pihak polis berjaya mengesan beberapa kereta curi hasil daripada serbuan tersebut.

Jurucakap polis menyatakan bahawa siasatan mengenai sindiket itu dibuat beberapa minggu yang lalu. Menurut jurucakap itu lagi, beberapa orang telah ditahan untuk siasatan lanjut.

Hasil daripada maklumat orang ramai, pasukan polis telah membuat serbuan di sebuah bengkel membaiki kereta di Jalan Ipoh. Lima orang ditahan dalam serbuan itu. Seorang daripadanya dipercayai pakar mekanik

Polis menjumpai kepingan-kepingan pintu yang dicuri .beberapa plat nombor kereta palsu dijumpai juga di bengkel tersebut.

Sementara itu, gerakan sedang dijalankan oleh polis untuk mencari seorang lelaki yang bernama Ah Chong .Dia dapat membantu polis untuk memusnahkan sindiket tersebut. Orang ramai diminta tampil ke hadapan sekiranya mempunyai maklumat tentang lelaki berkenaan.

Karangan Jenis Perbahasan

1. Karangan jenis ini ialah karangan yang ditulis untuk menyampaikan pendapat tentang sesuatu tajuk yang diberikan.
2. Perbahasan terbahagi kepada dua pihak yang mempunyai pendapat yang bertentangan iaitu :
 - pihak pencadang
 - pihak pembangkang
3. Kedua-dua pihak ini mempunyai pendapat-pendapat yang tersendiri yang hendak dihujahkan.
4. Setelah menulis pendahuluan kemukakan hujah-hujah anda
5. Pastikan kamu telah mengenalpasti terlebih dahulu hujah berkenaan yang pada mulanya dicatatkan secara ringkas.

- mesti di tulis mengikut format (terpesong format , tolak 3 markah)

a] kata - kata aluan (jika tidak ada , tolak 1 markah)

'Menonton televisyen lebih banyak mendatangkan kesan yang buruk'. Berikan pendapat kamu sama ada bersetuju atau tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Pengenalan	kata-kata aluan tajuk yang hendak dibahaskan
Perenggan ke-2	tidak bersetuju dengan tajuk alat media massa yang terkenal menyiarkan banyak rancangan
Perenggan ke-3	rancangan berita dan peristiwa dunia banyak berfaedah dapat mengetahui perkembangan dunia
Perenggan ke-4	banyak rancangan lain dapat menambahkan ilmu pengetahuan mengetahui sesuatu perkara dengan lebih terperinci
Penutup	tegaskan pendapat anda tentang tajuk perbahasan ucapan terima kasih

Yang dihormati Tuan Pengerusi majlis, Guru Besar, guru-guru, para hakim yang arif, barisan pihak pencadang dan rakan-rakan pelajar sekalian. Tajuk perbahasan kita pada hari ini ialah Menonton televisyen lebih banyak mendatangkan kesan yang buruk'.

Saya bersama-sama rakan saya tidak bersetuju sama sekali dengan tajuk yang diberikan itu. Sebagaimana yang diketahui umum, televisyen adalah suatu alat media massa yang terkenal pada masa kini. Setiap hari, ia menyiarkan berbagai-bagai rancangan seperti filem rancana, berita, drama dan lain-lain lagi.

Rancang berita sama ada berita dalam negeri atau pun berita dunia dan juga laporan peristiwa memang berfaedah kepada penonton. Mereka dapat mengetahui perkembangan dunia dengan duduk di rumah sahaja.

Banyak rancangan televisyen lain yang dapat menambahkan ilmu pengetahuan para penonton misalnya 'Hari Ini Dalam Sejarah', 'Siaran Ke Sekolah-sekolah', 'TV Pendidikan' dan lain-lain lagi. Filem-filem dokumentari yang sering ditayangkan melalui televisyen dapat membantu pelajar mengetahui sesuatu perkara dengan lebih terperinci.

Berdasarkan contoh-contoh di atas, jelaslah bahawa menonton televisyen mendatangkan kesan yang baik dan bukan yang sebaliknya. Sebelum mengudur diri, sekali lagi saya tegaskan pendirian kami membangkang tajuk di atas. Sekian, terima kasih.

Tajuk : Anda adalah pencadang dalam pertandingan perbahasan peringkat daerah. Tajuk perbahasan ialah 'Wanita Lebih Baik Bekerja Daripada Tinggal Di Rumah'.

Yang dihormati, tuan pengerusi majlis, para hakim yang adil lagi bijaksana, barisan pembangkang yang dihormati, dan para hadirin sekalian. Assalamualaikum dan selamat sejahtera.

Sebagaimana yang diketahui, tajuk perbahasan kita pada hari ini ialah 'Wanita Lebih Baik Bekerja Daripada Tinggal Di Rumah'. Kami sebagai pencadang tetap menyokong tajuk ini. Hadirin sekalian.

Pada masa kini, wanita dan lelaki ternyata berada pada tahap yang sama terutamanya daripada segi pendidikan. Wanita kini sudah mempunyai keupayaan untuk memegang sebarang jawatan yang dipertanggungjawabkan kerana mereka mempunyai kelayakan. Jadi, wanita ti dak perlu duduk di ceruk dapur sahaja.

Saudara dan saudari.

Sekiranya wanita bekerja, mereka boleh membantu menambahkan pendapatan keluarga. Bagi golongan suami yang berpendapatan rendah sudah tentu menghadapi masalah untuk menyara keluarga, terutamanya mereka yang hidup di bandar. Oleh itu, jika isteri bekerja, bebanan itu menjadi ringan.

Selain itu, terdapat juga pekerjaan yang tidak sesuai dengan kaum lelaki seperti jururawat. Tugas ini mesti dijalankan oleh wanita kerana memerlukan sifat ketekunan, ke telitian, kegigihan, dan kesabaran.

Jadi, sebelum saya menamatkan hujah saya, ingin saya tegaskan bahawa wanita lebih baik bekerja daripada tinggal di rumah. Sekian terima kasih.

Karangan Jenis Peribahasa

1. Peribahasa merangkumi simpulan bahasa , perumpamaan , pepatah , dan bidalan.
2. Sebelum menulis karangan jenis ini, anda perlu memahami maksud peribahasa itu sejelas-jelasnya.
3. Kalau karangan ini ditulis dalam bentuk cerita, cerita itu hendaklah mempunyai pertalian dengan peribahasa itu. Sebaik-baiknya, cerita mengandungi nilai-nilai murni.
4. Kalau karangan ini ditulis dalam bentuk penerangan , maksud peribahasa itu perlu dihuraikan terlebih dahulu. Kemudian jelaskan fungsi dan kepentingannya di dalam masyarakat.

Biar Lambat Asalkan Selamat

Pengenalan maksud peribahasa

Perenggan ke-2 sesetengah orang tidak sabar dalam sbarang pekerjaan

Perenggan ke-3 contoh seorang pemandu kenderaan
pandu laju kerana mahu cepat sampai ke destinasiya

Perenggan ke-4 berlaku perkara yang tidak diingini
menyesal

Penutup peribahasa ini merupakan contoh yang baik dalam kehidupan seharian
sentiasa selamat kalau mengamalkan peribahasa ini

Peribahasa 'Biar Lambat Asal Selamat' membawa maksud sesuatu pekerjaan yang hendak dibuat biarlah dibuat dengan cermat dan berhati-hati supaya pekerjaan itu berhasil dengan baiknya.

Ada setengah-setengah orang tidak mahu sabar dalam membuat sebarang pekerjaan. Mereka mahu segera menyiapkan pekerjaan itu tanpa menghiraukan akibatnya.

Sebagai menghuraikan peribahasa di atas , saya akan mengambil contoh seorang pemandu kenderaan. Pemandu itu memandu kenderaannya dengan laju kerana dia ingin segera samapai ke tempat yang hendak ditujuinya. Tanpa disedarinya, perbuatannya itu berbahaya ke pada dirinya sendiri dan juga orang lain.

Sekiranya dalam perjalanan itu, sesuatu perkara yang tidak baik berlaku ke atas dirinya misalnya kemalangan , pemandu itu akan menyesal kerana perbuatannya itu. Ketika itulah dia akan terfikir perkara itu tidak akan terjadi jika dia sabar dan cermat ketika memandu.

Peribahasa di atas adalah satu contoh yang paling baik dalam kehidupan kita seharian. Orang yang selalu mengamalkan peribahasa ini akan sentiasa selamat dalam setiap pekerjaan yang dilakukannya.

PANDUAN Mencari Isi Penting Berdasarkan Soalan.

ARAHAN : Isi-isi yang diberi adalah sebagai panduan pada kamu sahaja. Kamu boleh menambah mana-mana isi yang kurang. Adalah lebih baik kamu mendapatkan isi yang kamu cari sendiri. Bandingkan isi yang diberi. Ini penting kerana ia boleh menguatkan daya ingatan kamu semasa peperiksaan sebenar.